

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Baru-baru ini, ekonomi dunia dikejutkan dengan satu lagi krisis kewangan yang mana pada dekad ini sahaja, dunia telah menyaksikan tiga gelombang krisis kewangan serantau. Krisis kewangan yang terbaru sekali ialah krisis kewangan Asia yang bermula pada tahun 1997 selepas krisis kewangan Amerika Latin pada tahun 1994-1995 dan krisis kewangan Eropah pada tahun 1992-1993. Sebagai salah satu negara Asia, Malaysia terperangkap dalam krisis mata wang serantau yang teruk dan berpanjangan yang melanda seluruh Asia Timur. Walaupun Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh, tetapi disebabkan fenomena yang dinamakan ‘jangkitan Asia’ dan ‘krisis keyakinan’, ia telah memberi impak yang besar ke atas ekonomi negara.

Bagi tempoh lima tahun sebelum tahun 1996, purata pertumbuhan sebenar KDNK Malaysia ialah 8.7% setahun dengan kadar inflasi yang rendah iaitu sekitar 3.8% dan dengan kadar pengangguran yang hanya lingkungan 2.5% pada tahun 1996. Malaysia juga secara relatifnya mempunyai hutang asing yang rendah iaitu bernilai US\$45.2 bilion atau 42% daripada KDNK pada bulan Jun 1997. Malah, Malaysia dikategorikan sebagai negara yang memiliki kadar tabungan yang tinggi dan jumlah pinjaman tidak berbayar (NPL) yang rendah. Oleh itu, Malaysia bukanlah calon kepada kemelesetan ekonomi yang teruk. Fenomena ekonomi yang mungkin berlaku ialah mengalami pertumbuhan yang perlahan tetapi bukannya kegawatan ekonomi dan kewangan yang serius.

Namun, apa yang berlaku adalah di luar jangkaan yang mana nilai mata wang negara telah merosot dengan pantas dan pasaran sahamnya jatuh menjunam ke paras yang paling rendah pada bulan Julai 1997. Krisis bermula dengan aliran keluar modal secara besar-besaran dari pasaran kewangan tempatan negara Thailand sebelum merebak dengan pantas ke negara-negara jiran dan Korea Selatan. Ringgit mula mengalami penurunan nilai dua minggu selepas Baht diapungkan pada 2 Julai 1997. Kejatuhan nilai Baht telah menimbulkan kesangsian pelabur luar mengenai ketahanan peraturan kadar tukaran serantau. Jangkaan negatif ini telah menyebabkan Ringgit mengalami penurunan yang amat teruk mencapai RM4.88 berbanding US\$1 pada 7 Januari 1998. Selain itu, pasaran saham di BSKL juga turut jatuh mendadak dengan nilai indeks komposit telah menjunam ke paras 600 mata pada akhir tahun 1997.

Walaubagaimana pun, apa yang berlaku pada ekonomi dunia kini adalah berbeza dengan era awal tahun 1960an di bawah Sistem Kadar Tukaran Tetap Bretton Woods di mana aliran modal antarabangsa dikawal dengan ketat. Tetapi kini, jumlah wang yang banyak dapat bergerak melewati sempadan tanpa kawalan. Perkembangan globalisasi telah membuka ruang kepada ‘Dunia Tanpa Sempadan’ dalam ekonomi. Impaknya, negara ekonomi terbuka yang kecil akan turut terjejas walaupun mempunyai pengurusan ekonomi yang terbaik dan teratur. Sementara ekonomi terbuka yang kecil yang lemah akan terdedah kepada perubahan sentimen yang mengejut dari optimis tidak rasional (*irrational optimism*) kepada pesimis tidak rasional (*irrational pessimism*).

Oleh sebab itu, bagi mengatasi masalah yang wujud akibat krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia, Malaysia telah melaksanakan pelbagai pelan pemulihan ke atas ekonominya bagi menghindari kemerosotan ekonomi yang semakin teruk akibat penurunan dalam nilai mata wangnya. Senario ekonomi yang berlaku pada dekad ini telah menimbulkan pelbagai persoalan mengenai sejauhmana sistem ekonomi konvesional (sistem ekonomi kapitalis) berupaya membawa kebaikan dan keuntungan yang besar kepada sesebuah negara itu. Hal ini telah menimbulkan tanggapan bahawa sistem pasaran bebas dalam era globalisasi masih memerlukan regulasi tertentu bagi memastikan keuntungan dapat dikongsi secara bersama.

Kini, sebagai sebuah negara Islam, Malaysia berusaha memperkembangkan sistem ekonomi Islam yang dipercayai boleh bergerak seiring dengan sistem ekonomi konvensional dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Ini kerana matlamat ekonomi Islam bersifat menyeluruh iaitu mencapai kesejahteraan ekonomi bagi individu, masyarakat dan negara; kesaksamaan agihan pendapatan, harta dan kekayaan; penggunaan sumber yang optimum, cekap, berkesan dan berjimat; menjamin kebebasan individu; kesaksamaan hak dan peluang; kerjasama dan keadilan; dan keperluan asas yang mencukupi. Walaupun, sesetengah ahli ekonomi barat tidak dapat menerima perkembangan sistem ekonomi baru ini kerana terlalu mengagungkan sistem ekonomi yang sedia ada, tetapi mereka tidak dapat menolak kepincangan dan kelemahan yang masih wujud dalam sistem ekonomi konvensional. Ini kerana, kesan kelebihannya dapat dilihat daripada krisis kewangan yang berlaku pada

dekad ini terutamanya krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia baru-baru ini.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Malaysia telah mengalami perkembangan ekonomi yang pesat pada dekad ini. Namun, krisis kewangan Asia pada tahun 1997 telah memberi satu kejutan yang besar kepada pertumbuhan ekonominya sehingga mencapai tahap negatif pada tahun berikutnya. Krisis kewangan yang berlaku ini bukan sahaja memberi impak yang besar kepada Malaysia dan negara-negara Asia yang lain bahkan juga ekonomi secara keseluruhannya. Ini memandangkan ekonomi negara-negara dunia yang lain mempunyai hubungan langsung yang rapat dengan ekonomi negara-negara Asia. Lanjutan daripada itu, kecekapan dan keberkesanan sistem ekonomi konvensional dalam mencipta keuntungan yang besar dalam ekonomi mula dipersoal dan diperdebatkan oleh ahli-ahli ekonomi dunia kini. Krisis ini telah membuka peluang meluaskan sistem ekonomi Islam dengan lebih berkesan memandangkan sistem ekonomi Kapitalis tidak menampakkan keupayaan mengatasi masalah terkini secara menyeluruh seperti kelembapan pasaran saham, kapasiti lebihan sektor perkilangan, kejatuhan produktiviti dan kegagalan sektor korporat.

Oleh sebab itu, kajian ini mempunyai tiga objektif khusus iaitu:

- 1.1.1 Mengkaji dan menilai perbandingan yang wujud dalam sistem ekonomi konvensional dan sistem ekonomi Islam.
- 1.1.2 Mengkaji situasi sebenar punca dan kesan kejatuhan mata wang Ringgit ke atas ekonomi negara.
- 1.1.3 Menilai keberkesanan penyelesaian masalah kejatuhan nilai mata wang yang melanda Malaysia berpandukan sistem ekonomi konvensional dan sistem ekonomi Islam.

1.3 ULASAN KARYA

Pelbagai isu dan persoalan dibahaskan oleh tokoh-tokoh ekonomi dunia sebagai respon kepada krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia baru-baru ini. Krisis kewangan Asia ini dianggap unik dan berbeza daripada krisis kewangan yang pernah berlaku dalam kitaran ekonomi dunia sebelum ini. Berdasarkan kepada penetapan objektif laporan penyelidikan ini, kajian yang terperinci perlu dilakukan bagi mengupas situasi sebenar krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia termasuk Malaysia.

➤ **Punca-punca berlakunya krisis:**

1) Fungsi wang dalam ekonomi konvensional.

Dr. Z. A Abd. Rahman (1997), seorang Konsultan di Al-Muamalah Business Consultancy and Publications (MBCP), berpendapat bahawa masalah asas yang dihadapi oleh sistem ekonomi kita yang berasaskan kepada ekonomi konvensional berkait dengan fungsi wang itu sendiri. Ini berikut dalam sistem ekonomi konvensional, wang dibenarkan diperniagakan seperti barang lain. Ini menyebabkan nilainya terdedah kepada faktor pasaran dan spekulasi. Masalah timbul apabila manusia mula menganggap wang sebagai satu jenis komoditi dagangan yang boleh diperniagakan secara hadapan atau bukan tunai, sama seperti barang lain. Maka, kestabilan nilai mata wang akan terus terancam kerana nilainya ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran dalam pasaran. Seseorang yang memiliki wang yang besar berupaya mempengaruhi nilai wang di pasaran dengan menyorok wang tersebut atau melambakkannya bagi mempengaruhi harga pasaran.

Penulis mengulas yang situasi ini berbeza dalam sistem ekonomi Islam yang mana wang mempunyai kedudukannya yang tersendiri sebagai pengukur kepada nilai barang lain dan tidak dianggap sebagai barang dagangan. Malah, sistem ini menganggap adalah perlu nilainya dipastikan supaya sentiasa stabil bagi memudahkan aktiviti perdagangan terutama perdagangan antarabangsa. Penulis juga menganjurkan emas sebagai wang kerana ia mampu menjadi kayu ukur kepada nilai benda lain bukan sebagai barang yang boleh diniagakan.

Undang-undang Islam sejak dari awal lagi telah menetapkan syarat-syarat ketat dalam proses jual beli mata wang di mana urusniaga itu hendaklah dilakukan secara tunai. Ini bagi memastikan ia tidak menjadi sasaran spekulasi yang boleh menggugat kestabilannya. Menurut penulis lagi, seorang Ahli Fiqh dan Falsafah Islam yang terkenal iaitu Imam Al-Ghazali berpendapat yang perbuatan menyorok wang yakni tidak membelanjakan di jalan Allah menyebabkan kewujudannya di pasaran berkurangan adalah bertentangan dengan hukum Islam. Islam tidak melarang wujudnya pasaran pertukaran wang asing malah, ia dibenarkan. Namun, ia mesti berdasarkan syariat yang telah digariskan dalam pelaksanaannya. Dalam Islam sendiri, istilah bagi urusniaga ini ialah ‘Al-Saraf’.

2) Kejutan Kewangan

Jeffery Sach's (1997) berpendapat bahawa kejutan kewangan (*financial panic*) merupakan penyebab utama berlakunya krisis kewangan. Masalah kejutan ini dikatakan berpunca daripada jumlah hutang jangka pendek yang besar yang mana mudah dipengaruhi oleh persekitaran ekonomi. Masalah kejutan ini juga akan memburukkan status ekonomi sesebuah negara sekiranya rizab pertukaran asing tidak mencukupi untuk mengimbangi pergerakan ini. Tiada seorang pun yang mahu menjadi orang yang terakhir akan keluar dari situasi ini bila wujudnya kelemahan dalam sistem perbankan dan mata wang.

Selain itu, wujudnya juga masalah korupsi dan tersalah urus dalam pengurusan ekonomi tetapi ia bukanlah faktor yang mempercepatkan berlakunya proses krisis itu. Agak sukar bagi sesebuah negara itu menangani masalah kejutan

ini. Ini jelas menunjukkan wujudnya kelemahan dalam ekonomi Asia. Walaubagaimana pun, Asia memiliki keistimewaan yang tersendiri iaitu tabungan yang tinggi, belanjawan lebihan, pasaran buruh yang fleksibel, kadar pencukaian yang rendah, dan memiliki prospek pertumbuhan jangka panjang. Penulis juga mengaitkan yang krisis berpunca daripada penswastaan, pasaran kewangan dan penggunaan pinjaman jangka pendek daripada luar negara secara tidak bijak iaitu melabur dalam pelaburan yang mengundang risiko spekulasi yang tinggi dan lain-lain sektor bukan eksport.

3) Moral Hazard

Menurut Paul Krugman (1998), masalah *moral hazard* di kalangan bank adalah salah satu punca berlakunya krisis kewangan Asia 1997/1998. Masalah ini menyebabkan wujudnya satu kepercayaan pada bank yang mereka mempunyai peluang untuk melabur dana ke dalam projek yang berisiko tinggi tetapi menjanjikan pulangan yang tinggi dalam pelaburan yang dilaburkan. Jika projek yang dilaburkan itu gagal, tiada apa yang perlu dirisaukan oleh bank berikutan anggapan yang kerajaan akan memberi jaminan ke atas liabiliti itu. Sebaliknya, jika projek itu berjaya, bank akan mendapat keuntungan yang besar. Jaminan seperti ini menggambarkan seakan wujudnya hubungan yang kuat antara struktur politik dan institusi kewangan.

Melabur dalam pelaburan yang berisiko tinggi untuk dispekulatifkan seperti harta tanah dan saham akan menggalakkan peningkatan harga yang tidak realistik. Nilai pelaburan yang tinggi seperti ini seolah-olah menggambarkan yang

pasaran kewangan Asia adalah kukuh dan ini menggalakkan kemasukan modal asing yang kebanyakkan dalam bentuk jangka pendek. Tetapi, apabila aset ini meletup dan diikuti oleh kejatuhan harga, ia menjurus kepada masalah deflasi aset di samping menimbulkan masalah ketidakmampuan untuk membayar di kalangan bank. Ini secara tidak langsung mengurangkan keyakinan pendeposit ke atas keupayaan kewangan bank. Atas sebab itu, pendeposit akan membawa keluar wang dari bank dan pelaburan juga semakin hilang di pasaran. Akhirnya, ia boleh membawa kepada penurunan nilai mata wang.

4) Kamasukan Modal Asing Jangka Pendek

Punca utama berlakunya krisis mata wang di Malaysia ialah kebergantungan yang tinggi terhadap kemasukan modal asing jangka pendek yang mempunyai tahap volatiliti yang tinggi (Devason: 1998). Pengeluaran modal jangka pendek secara mendadak telah menyebabkan kejatuhan dalam nilai mata wang. Pasaran saham yang melambung tinggi adalah seiring dengan kemasukan modal asing yang besar ke dalam negara. Oleh itu, adalah lebih baik mengurang keterbukaan dalam pasaran saham dengan kadar pertumbuhan yang sederhana tetapi kukuh. Sewaktu krisis berlaku, masalah dalam sistem perbankan tempatan yang dapat dikesan ialah defisit dalam akaun semasa yang mengurangkan keupayaan pembiayaannya. Selain itu, terdapat beberapa masalah yang perlu diatasi iaitu kekurangan dalam pertumbuhan produktiviti, ketidakcekapan dalam pelaburan, ketidaktelitian dalam memberi pinjaman dan kekurangan buruh yang

berkeliber dan cekap yang mana iaanya penting bagi pertumbuhan yang berkekalan dalam ekonomi

5) Kegagalan Sistem Kewangan Antarabangsa

Masuda (1998) cuba menjawab persoalan yang berkaitan bagaimana untuk mengurus Sistem Kewangan Antarabangsa (IMS) bagi mengelak terjadinya krisis mata wang di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi dunia di bawah liberalisasi dan integrasi dalam pasaran kewangan. Penulis menyalahkan IMS yang dikatakan sebagai pusat dollar yang mempercepatkan lagi kejatuhan mata wang negara Asia. Negara Asia mengalami kemasukan modal asing yang besar ke dalam negaranya. Malah, negara Asia masih terus bergantung kepada kemasukan modal asing yang tidak stabil walaupun setelah berlakunya krisis kewangan di Mexico.

Liberalisasi dalam pasaran tukaran dan kewangan merupakan satu kemajuan yang baik tetapi, malangnya ia disusuli dengan polisi yang lemah seperti menawarkan kadar pertukaran dengan memberi lebih penekanan kepada yen. Selepas krisis di Mexico, berlaku pemindahan modal yang besar dari pasaran Asia ke Jepun. Jadi, pasaran Asia perlu menjual Yen tetapi pasaran Asia tidak mempunyai rizab yen yang mencukupi kerana majoriti daripada rizab asing adalah dalam Dollar. Oleh sebab itu, mereka terpaksa menjual Dollar untuk membeli Yen dan ini memberi peluang kepada kegiatan spekulasi ke atas pasaran tukaran mata wang.

6) Ekonomi Negara Asia dan Teori Jangkitan

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (1998) memaparkan yang antara faktor penyebab kepada kejatuhan mata wang Malaysia ialah kesan ‘jangkitan Asia’, krisis keyakinan pelabur terhadap Malaysia, prestasi ekonomi di rantau Asia Pasifik, jurang tabungan-pelaburan dan aliran masuk dana swasta ke dalam negara Asia. Krisis di Asia Timur disifatkan berbeza daripada krisis di Amerika Latin di sebabkan oleh beberapa perkara iaitu yang pertama, masalah di Asia Timur berkait dengan pinjaman sektor swasta terutama pinjaman jangka pendek berbanding dengan defisit sektor awam, yang kedua ialah negara terlibat menghadapi masalah salah memperuntukkan sumber-sumber pelaburan berbanding masalah penggunaan berlebihan kerana negara tersebut adalah antara negara yang mempunyai kadar tabungan yang tertinggi di dunia, dan yang ketiga ia lebih merupakan masalah keyakinan daripada masalah asas ekonomi makro.

Rekod pertumbuhan Malaysia yang memberangsangkan selama sedekad telah terhenti secara mengejut berikutan penurunan nilai ringgit setelah Baht diapungkan pada 2 Julai 1997. Pergerakan mata wang mempunyai kesan yang berbeza ke atas daya saing dan perdagangan luar, hutang dan pelaburan. Penurunan nilai ringgit telah meningkatkan daya saing Malaysia setelah diambilkira kombinasi mata wang rakan dagang Malaysia dan inflasi di kalangan negara tersebut. Namun, ia lebih banyak memberi kesan buruk sehingga kadar pertumbuhan negara mencapai -1.0% pada tahun 1998 berbanding 8.7% pada tahun pada tahun 1996.

7) Globalisasi

Ismail Awang (1999) berpendapat bahawa krisis kewangan dan kegawatan yang melanda ekonomi dunia diantara lainnya merupakan kesan langsung daripada globalisasi. Globalisasi membentuk dunia tanpa sempadan (*borderless world*) atau ‘*global village*’. Dengan itu, firma-firma dapat meningkatkan keluaran menerusi ekonomi berskala besar di samping dapat meningkatkan pelaburan, teknologi, kepakaran dan peluang-peluang pekerjaan dalam negara.

Globalisasi dan liberalisasi yang dipelopori oleh negara barat merupakan satu proses bagi meningkatkan lagi aliran perdagangan dan pemasaran antarabangsa, khususnya bagi maksud meningkatkan akaun semasa dan akaun modal dalam imbalan pembayaran negara. Namun, globalisasi juga menghasilkan satu penguasaan secara manipulatif ekonomi negara membangun oleh kuasa-kuasa pasaran sejagat yang dikaitkan dengan ‘kolonialisme baru’ yang mendapat manfaat daripada kecanggihan terbaru elektronik masa kini. Pengintergrasian sepenuhnya sesebuah ekonomi negara ke dalam sistem global menjadikan sesebuah negara itu terdedah kepada kesan pelarian modal. Disebabkan oleh imperialisme order baru dunia ini, wujud satu kedaaan ekonomi dunia didokong dan dikuasai oleh Syarikat-syarikat Multinasional dan Institusi Antarabangsa seperti Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Organisasi Perdagangan Dunia (WTO), Bank Dunia dan GATT.

Globalisasi dan liberalisasi telah membuka jalan kepada spekulator menyerang mata wang sesebuah negara yang akhirnya telah mengakibatkan

nilainya jatuh. Namun, apa yang dibimbangkan ialah kejatuhan ekonomi sesebuah negara itu meninggalkan kesan kepada ekonomi negara lain. Ini jelas menunjukkan betapa perlunya kewujudan sesuatu peraturan dalam kegiatan ekonomi terutamanya jual beli mata wang kerana sistem pasaran bebas sekarang telah mengakibatkan banyak pelanggaran etika urusniaga dan memerlukan campur tangan kerajaan bagi mengimbangi kuasa yang wujud dalam pasaran bebas.

Dalam konteks ekonomi Islam, menurut penulis, di bawah prinsip perdagangan dan perniagaan secara Islam, seperti dalam kes monopoli, Islam mengutuk perbuatan spekulasi dan tidak menggalakkan urusniaga hadapan. Namun, ini tidak bermakna Islam menolak perdagangan antarabangsa malah, Islam percaya kepada konsep doktrin kos bandingan yang menjadi asas penting dalam perdagangan antarabangsa. Islam hanya menolak aktiviti persaingan yang tidak sihat yang boleh memberi kesan yang buruk kepada ekonomi.

8) Spekulator Mata Wang

Menurut Dr. Mahathir Mohamad (2000), faktor utama penyebab kepada krisis mata wang yang melanda Malaysia, ialah serangan oleh spekulator mata wang ke atas mata wang ringgit. Sebelum serangan ke atas mata wang negara, Ringgit ditetapkan pada kadar RM2.50 bagi setiap Dolar Amerika tanpa ada penetapan nilai Ringgit kepada Dolar Amerika secara rasmi. Malah, jajaran urusniaga terhadapnya yang kecil ditentukan oleh kuasa pasaran. Kadar tukaran mata wang Ringgit mudah diimbangi oleh Bank Pusat (BNM) menerusi campur

tangan yang minimum. Malaysia juga dikategorikan memiliki sistem perbankan yang kukuh dengan mutu aset yang tinggi dan permodalan yang kukuh dengan Nisbah Wajaran Risiko Modal (RWCR) sistem perbankan yang tinggi iaitu 10 % melebihi 8% iaitu nilai yang ditetapkan oleh piawaian antarabangsa.

Walaupun Malaysia menjalankan banyak projek mega tetapi hutang luar asing Malaysia adalah rendah. Malah, strategi Malaysia membayar balik hutang dalam tempoh yang awal telah menarik minat bank asing memberi pinjaman berikutan nilai kredit yang tinggi. Namun, selepas kejatuhan Baht, nilai Ringgit yang sebelum ini stabil telah mengalami kejatuhan yang teruk. Pedagang mata wang telah menolak anggapan yang mereka menjadi punca utama kepada krisis mata wang yang melanda Malaysia. Sebaliknya, mereka menuduh apa yang berlaku disebabkan oleh sistem pentadbiran Malaysia yang tidak sempurna. Pendapat ini ditolak oleh penulis dengan alasan mata wang tiada perasaan, tidak tahu mata wang lain sakit, tidak tahu kerajaan negara itu mengamalkan rasuah dan ia tidak boleh menurunkan nilainya sendiri melainkan ia dimainkan oleh pedagang mata wang.

➤ Penyelesaian Kejatuhan Mata Wang

1) Pelan Pemulihan Ekonomi Negara

MTEN (1998) yang ditubuhkan oleh kerajaan selepas berlakunya krisis telah menggariskan beberapa teras utama Pelan Pemulihan seperti menstabilkan nilai ringgit, mengembalikan kenyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan

pasaran kewangan, memperkuatkan asas-asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosioekonomi dan memulihkan semula sektor-sektor yang terjejas teruk. Pencapaian matlamat ini akan membantu memulihkan ekonomi Malaysia daripada terus merosot akibat krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia.

2) Kawalan Tukaran Mata Wang Terpilih

Dr. Mahathir Mohamad (2000) menjelaskan bahawa salah satu langkah kerajaan mengatasi kejatuhan nilai Ringgit ialah melaksanakan kawalan tukaran mata wang terpilih. Langkah ini melibatkan tiga perkara iaitu menghapuskan pasaran Ringgit luar pesisir supaya spekulator tidak lagi mempunyai peluang mendapatkan modal dalam mata wang itu, penetapan kadar tukaran Ringgit pada RM3.80 bagi setiap Dolar Amerika dan mengenakan ‘peraturan 12 bulan’ bagi menyekat pengeluaran dana portfolio bagi tempoh satu tahun. Walaubagaimana pun, kawalan ini tidak melibatkan pelaburan asing langsung (FDI) kerana pelabur bukan sahaja dibenarkan membawa keluar keuntungan malah boleh membawa pulang aset jika itu pilihan mereka.

Selain itu, Malaysia juga memberhentikan operasi CLOB (Central Limit Order Book) di Singapura bagi menjamin kestabilan harga pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Bagi memberhentikan operasi CLOB, pendaftaran pemilikan menerusi pemegang amanah tidak lagi dibenarkan. Semua pemilik saham perlu mendaftar semua saham di atas namanya sendiri dan saham yang dimiliki oleh CLOB tidak boleh diniagakan sehingga pemiliknya mendaftar

dengan CDS. Langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan Malaysia telah berjaya menstabilkan nilai Ringgit dan memperbaiki keadaan ekonomi negara.

3) Penggunaan Dinar Emas

Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya ketika merasmikan Persidangan Pasaran Modal Islam serta melancarkan Minggu Pasaran Modal Islam Antarabangsa di Kuala Lumpur (2002) telah mencadangkan penggunaan Dinar sebagai mata wang untuk perdagangan antarabangsa sahaja dan bukan bertujuan menggantikan mata wang mana-mana negara. Beliau menyifatkan perdagangan antarabangsa memerlukan penetapan kadar pertukaran mata wang di antara negara-negara yang berdagang.

Mata wang kertas dikatakan tidak mempunyai nilai intrinsik. Kadar pertukaran dibuat sembarangan dan bergantung kepada manipulasi sebagaimana yang berlaku di Asia dalam krisis kewangannya. Nilai emas ditetapkan berdasarkan permintaan terhadap emas ini. Nilainya boleh susut dan naik mengikut permintaan dunia dan penawaran dalam sesebuah negara. Kebaikan wang Dinar berbanding wang fiat ialah turun naik adalah kecil. Dinar emas yang diperbuat daripada emas dipengaruhi oleh harga emas tempatan akan menentukan kadar pertukaran bagi mata wang tempatan berbanding dengan Dinar. Oleh itu, harga barang import dalam dinar boleh dikira dalam mata wang tempatan dan begitu sebaliknya bagi barang tempatan yang dieksport.

Dinar boleh dianggap sebagai simpanan bank pusat. Perdagangan tidak perlu dibayar pada nilai sebenar dinar tetapi urusan import dan eksport di antara

negara yang berdagang boleh diimbangkan dan hanya perbezaan nilai sahaja yang dibayar dengan dinar. Cara ini dapat mengurangkan keperluan pergerakan Dinar emas malah, lebihan atau kurangan boleh dikreditkan atau didebitkan berbanding dengan import dan eksport masa hadapan. Penggunaan Dinar emas boleh mengurangkan risiko spekulasi hingga tiada langsung. Perdagangan dunia sebenar boleh dikembangkan kerana kos perniagaan akan bertambah mengurang sebagaimana yang diingani hingga ia lenyap secara praktik.

1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian memperlihatkan penumpuan ke atas masalah kejatuhan mata wang yang melanda Malaysia pada tahun 1997/1998. Walaubagaimana pun, kajian ini merangkumi data dalam tempoh 1970-2002 bagi menganalisis isu-isu tertentu yang dibincangkan dalam laporan penyelidikan ini di samping bagi memahami situasi sebenar ekonomi Malaysia sebelum krisis berlaku, sewaktu berlakunya krisis dan impaknya selepas krisis ini berlaku.

Kajian ini juga membuat perbandingan di antara dua sistem ekonomi iaitu sistem ekonomi konvensional dan sistem ekonomi Islam. Dengan kata lain, ajian ini cuba mengetengahkan konsep dan perlaksanaan kedua-dua sistem ini dalam aspek pengurusan ekonomi. Hampir kesemua negara-negara di dunia melaksanakan sistem ekonomi konvensional dalam pengurusan perekonomian negara masing-masing berbanding perlaksanaan sistem ekonomi Islam. Sistem

ekonomi Islam hanya dijalankan oleh negara-negara Islam sahaja dan ia tidak bersifat menyeluruh seperti perlaksanaan sistem ekonomi konvensional. Selain itu, kajian ini akan cuba menilai pendekatan kedua-dua sistem ini dalam membantu menyelesaikan masalah kejatuhan mata wang yang melanda negara kita.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia termasuk Malaysia telah menjadi isu yang hebat diperdebatkan di kalangan ahli ekonomi berikutan impak yang besar ke atas ekonomi dunia. Oleh itu, kajian ini diharap dapat menjadi satu kajian yang berbentuk ilmiah supaya:

- a) Dapat memberi input tambahan kepada masyarakat termasuk penulis sendiri dalam memahami senario sebenar krisis kewangan yang melanda Malaysia dan negara-negara Asia yang lain.
- b) Dapat memberi pendedahan dan maklumat kepada masyarakat mengenai sistem ekonomi Islam selain daripada sistem kewangan ekonomi yang diamalkan di Malaysia.
- c) Untuk mendedahkan kepada masyarakat mengenai pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua sistem ini dalam penyelesaian masalah kejatuhan mata wang ringgit.

- d) Dapat memaparkan kelebihan yang wujud dalam sistem ekonomi Islam berbanding dengan sistem ekonomi konvensional.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Sumber Data

Kajian ini melibatkan pengumpulan data sekunder dalam pelbagai tahun bagi mendedahkan situasi sebenar peristiwa kejatuhan mata wang Malaysia. Data-data diperolehi daripada sumber-sumber seperti Laporan Bank Negar Malaysia, Laporan Ekonomi, Jabatan Statistik dan lain-lain yang berkaitan. Pencarian isi keterangan bagi tujuan pengolahan dan penganalisaan adalah berpandukan kepada maklumat dalam buku-buku, seminar, majalah, tesis yang diperolehi daripada sumber perpustakaan dan maklumat daripada internet. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah analisis komparatif ke atas pendekatan yang digunakan oleh sistem ekonomi konvensional dan sistem ekonomi Islam dalam menyelesaikan masalah kejatuhan mata wang.

1.7 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai enam bab perbincangan. Susulan daripada bab ini, Bab 2 akan membincangkan mengenai pelaksanaan sistem ekonomi konvensional dan sistem ekonomi Islam di Malaysia. Bab ini cuba mengetengahkan perbezaan yang wujud dari segi konsep dan pelaksanaan antara kedua-dua sistem ekonomi ini. Sementara itu, Bab 3 akan cuba menghuraikan senario sebenar punca dan

kesan kejatuhan mata wang ke atas ekonomi Malaysia. Kemudian ia disusuli dengan bab 4 yang akan mengenalpasti kaedah penyelesaian masalah kejatuhan mata wang menurut perspektif ekonomi konvensional dan ekonomi Islam. Bahagian ini akan cuba mendedahkan peranan yang boleh dimainkan oleh sistem ekonomi Islam dalam penyelesaian masalah kejatuhan mata wang selain daripada peranan yang dimainkan oleh sistem ekonomi konvensional. Bab 5 pula akan menilai pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua sistem iaitu ekonomi Islam dan konvensional dalam menyelesaikan masalah kejatuhan mata wang. Bab 6 ialah bab yang terakhir iaitu melibatkan kesimpulan bagi kajian ini.